



Kesempitan hidup akan meningkatkan dagangan haram

KUALA LUMPUR – Kehilangan kerja, potongan gaji dan kurangnya peluang pekerjaan kini mengakibatkan kesulitan kewangan kepada ramai pengguna di seluruh Malaysia dan keadaan ini akan meningkatkan perdagangan haram secara besar-besaran, kata kumpulan advokasi pengguna global, Consumer Choice Center (CCC).

Pengarah Urusan CCC, Fred Roeder berkata, pengguna yang terjejas oleh kekangan kredit biasanya akan mencari cara dan kaedah alternatif untuk berjimat dalam perbelanjaan harian mereka.

Beliau berkata, ini secara semula jadi membuka permintaan terhadap barang seludup yang lebih murah kerana tidak dicukai dan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan kerajaan.

“Kami sudah menyaksikan peningkatan dalam perdagangan rokok seludup daripada siri rampasan berprofil tinggi dan memecah rekod oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) baru-baru ini.

“Jelas pengguna mencari alternatif lebih murah berbanding rokok sah yang lebih mahal dan sindiket jenayah dengan sukacitanya bekerja untuk memenuhi permintaan ini menggunakan apa sahaja cara yang boleh,” kata Roeder dalam kenyataan pada Khamis.

Beliau mengulas Laporan Jabatan Perangkaan (DoSM) mengenai Gaji dan Ganjaran 2020 yang mendapat median gaji dan ganjaran bulanan mencatat penurunan dua angka sebanyak 15.6 peratus kepada RM2,062.

Selain itu, DoSM pada Rabu turut melaporkan graduan yang gagal memperoleh kerja meningkat sebanyak 22.5 peratus pada 2020.

Menurut CCC yang mewakili pengguna di lebih 100 negara di seluruh dunia, pengguna akan mengalami kerugian yang besar jika perdagangan haram tidak dapat dibendung.

<https://www.sinarharian.com.my/article/152581/BERITA/Nasional/Kesempitan-hidup-akan-meningkatkan-dagangan-haram>